

Perbanyak program kesedaran antidadah

Posted on April 9, 2015, Thursday

Semua pihak memainkan peranan penting bantu polis dalam aspek pencegahan

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud //

BINTULU: Semua agensi berkaitan termasuk persatuan perlu menganjurkan program kesedaran penyalahgunaan dadah secara lebih kerap untuk menangani penyalahgunaan najis dadah di Bahagian Bintulu.

Ketua Polis Daerah Bintulu Superintenden Abdul Razak Mohammad berkata, agensi dan persatuan perlu tampil dengan program kesedaran dan polis khususnya Bahagian Narkotik akan bertindak untuk turut membantu.

Katanya, penting mewujudkan kesedaran dan mendidik masyarakat kesan penyalahgunaan dadah dan tidak hanya tangkap atau sumbat dalam lokap sahaja golongan penagih ini.

“Operasi dan pemeriksaan sememangnya kerap kali pihak polis jalankan dalam serbuan luar dan dalam premis tetapi sampai bila kegiatan itu boleh dihenti selagi adanya tawaran dan permintaan.

“Bagaimana untuk menghentikan kedua-duanya (tawaran dan permintaan) itu adalah melalui program kesedaran dan pendidikan,” ujarnya pada sidang media di Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu semalam.

Beliau berkata, agensi berkaitan perlu saling bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Pendidikan dan lain-lainnya mencari pendekatan yang boleh diambil untuk menangannya.

“Kesedaran awam penting memandangkan pihak polis tidak dapat melakukan tugas itu secara bersendirian sebaliknya semua pihak perlu membantu,” jelasnya.

Beliau berkata, melihat kepada statistik kes dan tangkapan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPD Bintulu untuk Januari hingga Mac 2015 dan 2014 merekodkan 133 kes dan 138 tangkapan (2015) berbanding 78 kes dan 81 tangkapan (2014).

Katanya, perbandingan keseluruhan statistik kes dan tangkapan Akta Dadah Berbahaya 1952/ Akta Penagih Dadah 1983 untuk Januari hingga Disember tahun 2014 dan 2013 ialah 407 kes dan 418 tangkapan (2014) berbanding 316 kes dan 343 tangkapan (2013).

Antara dadah yang dirampas di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk Januari hingga Disember tahun 2014 dan 2013 ialah 0.885 gram ganja (2014) dan 202.2 gram ganja (2013); 267.70 gram syabu (2014) dan 183.43 gram syabu (2013); 105 biji pil ekstasi (2014) dan 29 biji pil ekstasi (2013); tiada kes (2014) dan 0.7 gram ketamin (2013); tiada kes (2014) dan 21 biji erimin 5 (2013); 3,540 biji pil psikotropik (2014) dan 4, 744 biji pil psikotropik (2013).

